

# Factsheet CAT08

## Kategori-kategori kerja berkenaan kanak-kanak 8: tempat tahanan

Malay | Bahasa Melayu



Tempat tahanan, mengikut makna dalam *Young Offenders Act 1994* (Akta Pesalah Muda 1994) seksyen 3. Kategori ini termasuk Pusat Tahanan Banksia Hill.

Orang yang memberi khidmat kaunseling atau sokongan untuk kanak-kanak yang menghadapi sistem keadilan akan dikira melakukan [kerja berkenaan kanak-kanak](#) dalam kategori 10: kaunseling atau khidmat sokongan yang lain.

### Jawatan yang dianggap kerja berkenaan kanak-kanak

Di bawah ini ada beberapa jawatan yang dianggap kerja berkenaan kanak-kanak. Harap ingat, dalam semua hal, jawatan itu dianggap kerja berkenaan kanak-kanak kalau **tugas biasa (usual duties)** jawatan itu mesti ada, atau boleh dikatakan ada, **kontak (contact)** dengan seorang **kanak-kanak (child)**. Jawatan yang berkenaan termasuk:

- pekerja berkumpul di tempat tahanan remaja
- guru, pakar kaunseling, pegawai perubatan dan orang lain yang memberi khidmat untuk orang muda di tempat tahanan remaja (tidak kira bekerja dengan tempat tahan itu atau bukan)
- pegawai bantuan undang-undang yang melawat anak muda di tempat tahanan
- pekerja kebun, pekerja kebersihan dan tukang masak yang digaji di tempat tahanan remaja, dan pelajar yang menjalani latihan praktikal, yang umurnya 18 tahun ke atas, dan boleh dikatakan tentu ada kanak-kanak semasa mereka bekerja dan mereka ada kontak dengan kanak-kanak dalam tugas biasa.

### Exemption (kelonggaran)

Ada beberapa [exemption](#) untuk kategori ini:

- **sukarelawan (volunteers)** remaja yang umurnya kurang 18 tahun
- **pelajar (students)** yang menjalani latihan praktikal tidak dibayar gaji dan umurnya kurang 18 tahun

- **pelawat yang tinggal tidak lama (short-term visitors)** di WA
- pegawai polis yang melakukan tugas sebagai anggota WA Police.

Makna perkataan **huruf tebal** boleh diketahui dalam glosari Working with Children Check di [www.workingwithchildren.wa.gov.au](http://www.workingwithchildren.wa.gov.au)